

DM 1.2: Cadangan Pembangunan Terhad Kawasan KSAS Tahap 2

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Majoriti kawasan KSAS Tahap 2 ini terdiri daripada cadangan kawasan **Zon Penampian Kawasan KSAS Tahap 1, Zon Penampian Empangan dan tadahan air serta Tapak Pelupusan Sisa Pepejal.**
- Kawalan yang khusus adalah perlu, bertujuan untuk menyokong fungsi utama kawasan KSAS Tahap 1.
- Aktiviti pembangunan di kawasan desa yang terlibat perlu mengambil kira tahap sensitiviti kawasan ini.

Komponen Cadangan:

Garis Panduan Umum

- Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan.
- Disyorkan kawasan ini dihadkan kepada pembangunan perumahan dan pertanian sahaja.
- Permohonan pembangunan harus menunjukkan bahawa pembangunan adalah berimpak rendah melalui kajian lanjut contoh kajian EIA, SIA, dll.

Pengurusan Guna Tanah

- Sempadan petempatan/perkampungan perlu dimeterai bagi mengelak peluasan kawasan sedia ada di kawasan KSAS Tahap 2.
- Digalakkan amalan pertanian di kawasan ini dilaksanakan berdasarkan kaedah amalan pertanian mampan.

Kaedah Pelaksanaan:

- Menetapkan sempadan kampung di kawasan KSAS.
- Melaksanakan pemantauan berkala dan penguatkuasaan kawalan pembangunan di kawasan KSAS.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **14 buah kampung.**
(Sila rujuk Jadual 7.2)

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Muar	1	5
Segamat	-	5
Tangkak	-	2
Jumlah	1	12

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> Majlis Perbandaran Muar (MPM) Majlis Perbandaran Segamat (MPS) Majlis Daerah Labis (MDL) Majlis Daerah Tangkak (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Perbandaran Muar (MPM) Majlis Perbandaran Segamat (MPS) Majlis Daerah Labis (MDL) Majlis Daerah Tangkak (MDT)

ANGGARAN KOS

- Kos Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan aktiviti pencerobohan = 5 Ribu (setahun/kg.) x 8 tahun

Jumlah Keseluruhan Kos : RM 520,000

FASA PELAKSANAAN

